

09/01/1997

Mesyuarat MT tiada agenda khas

KUALA LUMPUR, Rabu - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu ini tidak mempunyai agenda khas, kata Setiusaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurutnya, seperti mesyuarat MT yang lalu, anggota majlis akan membincang apa sahaja perkara yang difikirkan penting atau yang dibangkitkan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak hairan jika keputusan pilihan raya kecil Pulau Chondong dan isu Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dibangkitkan pada mesyuarat MT kali ini," katanya.

(END)